

NO SOALAN :38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.04.2015

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan tunggakan cukai yang bernilai RM6.4 bilion dapat dikutip semula daripada lebih 60 ribu pembayar cukai yang terdiri daripada syarikat berhad, syarikat sendirian berhad dan perniagaan tunggal; dan
- b. pendakwaan terhadap syarikat-syarikat tersebut serta jumlah nilai cukai yang terlibat.

JAWAPAN

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam memastikan tunggakan cukai dapat dikutip adalah seperti berikut:

(i) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Kes Tertinggi untuk mengambil tindakan pemantauan yang rapi;

(ii) Merancang tindakan kutipan mengikut suku tahun berdasarkan keutamaan yang ditetapkan seperti berikut:

1. Mengutip hasil yang sepatutnya dikutip berakhir 31 Disember setiap tahun sebelum ia menjadi tunggakan tahun berikutnya;
2. Mengutip tunggakan hasil bagi debit semasa untuk pendapatan perniagaan daripada pembayar cukai korporat apabila cukai dibangkitkan selepas 31 Julai; dan
3. Menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas kes tunggakan cukai semasa yang masih belum diaudit sebelum 31 Disember setiap tahun.

(iii) Meningkatkan tindakan automasi bagi perkara-perkara berikut:

1. *Debt Management System* (DMAS): Sistem ini bertujuan mengawal akaun pembayar cukai untuk mengurangkan bilangan dan jumlah cukai tidak dibayar serta memastikan akaun kekal aktif; dan

2. Mengenakan sekatan perjalanan ke luar negara mengikut peruntukan di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2014, LHDNM telah melaksanakan pelbagai tindakan pemungutan atas akaun belum terima (cukai pendapatan syarikat) seperti ditunjukkan pada Jadual di bawah:

Tindakan Pemungutan Akaun Belum Terima

Tindakan	Bilangan Kes	Amaun (RM)
Ansuran berkuatkuasa	5,248	1,185,127,832.06
Tindakan guaman sivil	3,392	396,310,567.41
Taksiran kurangan*	-	509,790,817.08
Bayaran diterima	-	1,410,180,310.38
Lain-lain tindakan**	40,228	89,186,701.89
Jumlah		3,590,596,228.82
Tolak: Bayaran daripada Ansuran Berkuatkuasa		215,668,713.09
Amaun Diambil tindakan		3,374,927,515.

NOTA:

*Taksiran kurangan termasuk taksiran yang dikurangkan, penalti diremitkan, penyesuaian dan pelarasan akaun.

**Termasuk penangguhan, pengeluaran pemberitahuan tindakan guaman

sivil, surat peringatan dan panggilan telepon.